

PM: Edaran Proton Saga memenuhi DEB

BH 28 MAR 1985

P

— (motor car project)

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada segolongan Bumiputera supaya jangan menuduh kerajaan tidak mengamalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB), hanya disebabkan mereka tidak dapat menjadi pengedar kereta nasional Proton Saga.

"Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (Eon) akan amalkan DEB, tetapi tidak dapat menga-

malkan kehendak semua Bumiputera yang ingin mendapat peluang dari industri kereta nasional," kata Perdana Menteri ketika menjawab soalan Wan Mohd Najib Wan Mohamad (BN-Pasir Puteh) di Dewan Rakyat hari ini.

"Yang harus diingat ialah bilangan pengedar Bumiputera yang berminat adalah banyak. Tidak mungkin semua mereka boleh menjadi pengedar, meskipun kita amalkan lebih dari Dasar Ekonomi Baru," tambahnya.

Keuntungan

Katanya, apabila sahaja keuntungan didapati, biasanya saham dalam agensi seperti ini akan dipindah kepada Amanah Saham Nasional (ASN) untuk Bumiputera. Oleh itu, tidak benar bahawa Eon, sebahagian besarnya dikuasai oleh bukan Bumiputera dan tauke-tauke yang kaya.

Beliau berkata, sebagai pengedar tunggal kereta nasional, Eon akan mengedar 100 peratus kereta nasional dalam Malaysia. Tetapi ini tidak bermakna semua penjualan kereta nasional akan dibuat oleh Eon.

Selain cawangan-cawangannya, Eon juga akan melantik syarikat-syarikat lain sebagai wakil penjualannya di seluruh negara.

Dalam perlantikan wakil-wakil penjual, Eon akan memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat Bumiputera sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru dan akan mengikut panduan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Kereta buatan Malaysia, katanya, akan mengeluarkan kereta yang mempunyai kekuatan selinder 1,300 CC dan 1,500 CC, mungkin juga 1,600 CC.

Perdana Menteri berkata, kereta nasional akan dipamerkan dengan rasmi di bilik pameran Eon di seluruh negara pada 1 September 1985, iaitu hari pelancaran kereta nasional di pasaran tempatan.

Sesiapa yang membuat tempahan awal dijangka dapat memandunya pada hari itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Perbadan Industri Berat Malaysia, (Hicom) telah meluluskan beberapa syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran dalam pemasaran kereta untuk bersama-sama menjayakan projek kereta nasional.

Pada peringkat ini, Hicom menguasai saham Eon yang terbesar sebanyak 45 peratus perusahaan Sepadu Sdn. Bhd. (iaitu anak Syarikat United Motor Works (UMW) memegang 35 peratus saham Eon dan 20 peratus lagi dipegang oleh dua syarikat hakmilik penuh Bumiputera iaitu United Assembly Services yang memegang saham 15 peratus dan edaran Pekemas Bhd — 5 peratus. Hicom seperti jua beberapa agensi kerajaan memegang saham di waktu risiko tinggi.